

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR**  
**BILANGAN 1 TAHUN 2005**

**Laporan Bergambar Bagi Permohonan  
Pemberimilikan Tanah Dan Tukar Syarat Tanah**

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir-Pentadbir Tanah mengenai arahan Pihak Berkuasa Negeri supaya semua kertas ringkasan permohonan pemberimilikan tanah dan tukar syarat tanah yang dikemukakan untuk pertimbangan MMKN disertakan sama laporan bergambar tapak yang dipohon dan lot-lot bersebelahan.

2. **Laporan bergambar tersebut hendaklah dengan jelas menunjukkan keadaan di atas tapak yang dipohon, misalnya di atas tapak terdapat tanah tinggi yang curam atau sungai/parit atau bangunan yang masih digunakan/beroperasi. Disamping itu, laporan bergambar tersebut juga hendaklah menunjukkan sama keadaan atas tanah di lot-lot bersebelahan iaitu di bahagian utara, selatan, timur dan barat.** Melalui gambar-gambar yang disertakan ini dijangka dapat membantu MMKN membuat keputusan dengan lebih tepat dan telus.

3. **Laporan bergambar tersebut hendaklah dicetak di kertas putih bersaiz A4 dan gambar mestilah berwarna dan dikemukakan bersama-sama kertas ringkasan MMKN permohonan yang berkenaan sebanyak 3 salinan.** Contoh laporan bergambar seperti di Lamipran A yang disertakan.

4 Arahan ini adalah ***berkuatkuasa mulai 16 Ogos 2005*** dan Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah diarahkan mematuhi keputusan yang telah ditetapkan.

T.T.  
*Zoal Azha bin Yusof*  
Pengarah Tanah Dan Galian,  
Selangor

Fail : (10)dlm.PTGS/CR 02/00/2000

Tarikh : 3 Ogos 2005

*Ruj. Kami :* (8)PTGS/PG42/00/2004

*Tarikh :* 31 Disember 2004

Pentadbir Tanah,  
Pejabat Daerah dan Tanah Petaling.

Pentadbir Tanah,  
Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.

Pentadbir Tanah,  
Pejabat Daerah dan Tanah Klang.

Pentadbir Tanah,  
Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat.

Pentadbir Tanah,  
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat.

Pentadbir Tanah,  
Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor.

Pentadbir Tanah,  
Pejabat Daerah dan Tanah Sepang.

Pentadbir Tanah,  
Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam.

Tuan,

**Pelan Susunatur Dan Pra-hitungan Bentuk Digital Dan Gambar Tapak**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan mulai Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Perumahan tahun 2005 semua permohonan tukar syarat tanah di bawah Seksyen 124A, 204A dan 197& 76, pemilik atau pemaju tanah dikehendaki mengemukakan sama pelan susunatur dan pelan pra-hitungan berbentuk digital (soft copy) di dalam disket atau salinan cakera padat dalam format AutoCAD (\*.dwg). Pelan berbentuk digital ini diperlukan bagi tujuan pemetaan semula ke dalam sistem GIS jabatan serta memudahkan dokumentasi semasa mesyuarat dijalankan berbanding dengan pemaparan pelan-pelan yang diimbis dalam mesyuarat sebelum ini.

3. Disamping itu pemilik atau pemaju tanah juga dikehendaki menyediakan laporan tanah bergambar dan dilampirkan dalam disket atau salinan cakera padat dalam format power point (\*.ppt) bagi tujuan yang sama bagi semua jenis permohonan tukar syarat tanah termasuk di bawah seksyen 124(1) (a) dan (c). Gambar-gambar yang diambil hendaklah menunjukkan keadaan semasa atas tapak yang dipohon dan lot-lot bersebelahan di sekeliling tapak (utara, selatan, timur dan barat).
4. Untuk makluman tuan, perkara di para 2 dan 3 di atas merupakan keperluan tambahan yang mesti dikemukakan bersama-sama dengan dokumen-dokumen dan pelan-pelan seperti yang ditetapkan di dalam sebarai semakan yang digunapakai.
5. Sehubungan dengan perkara di atas, kerjasama tuan diminta agar dapat menghubungi pemilik atau pemaju tanah yang telah mengemukakan permohonan ke Jabatan tuan untuk mendapatkan perkara di para 2 dan 3 di atas. Bagaimanapun semua permohonan yang telah dipanjangkan ke Pejabat Tanah dan Galian akan diuruskan oleh Pejabat ini.

Sekian, terima kasih

**\* BERKHIDMAT UNTUK NEGARA \***

Saya yang menurut perintah,

T.T.  
**( ZAILANI BIN KADIR )**  
Timbalan Pengarah Tanah dan Galian  
Selangor Darul Ehsan.